

08 MAR 2000

Mahathir-K-ekonomi

PERUNDIANGAN KEBANGSAAN K-EKONOMI AKAN AMBIL MASA 18 BULAN

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keseluruhan proses perundingan kebangsaan, sumbang saran, draf dan penggemblengan untuk menghasilkan pelan strategik kebangsaan mengenai Ekonomi-Pengetahuan (K-ekonomi) dijangka akan siap dalam tempoh 18 bulan dari sekarang.

"Satu siri pelan tindakan yang konkrit dalam bidang-bidang strategik akan disiapkan dalam masa setahun," katanya dalam ucapan pembukaan semasa melancarkan persidangan "Pengetahuan Global Kedua", yang disertai oleh lebih 1,000 perwakilan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata melalui perubahan kepada K-ekonomi, yang mana kandungan pengetahuan dan sumbangan ilmu akan mengalami lonjakan hebat, ekonomi dan masyarakat Malaysia tidak akan seperti dahulu lagi.

"Pelan induk K-ekonomi kami tidak akan dirangka oleh yang terbaik dan paling cerdas, berkelompok di sebalik pintu tertutup. K-ekonomi -- aplikasi maksimum ilmu kepada setiap usaha ekonomi dan perniagaan Malaysia di setiap sektor ekonomi, bukanlah satu proses elit tetapi yang melibatkan setiap rakyat Malaysia."

Untuk berjaya dengan anjakan paradigma kepada K-ekonomi, katanya rakyat Malaysia termasuk generasi "wasasan" muda, terpaksa terlibat sepenuhnya.

"Pelan Induk K-ekonomi mestilah merupakan satu pelan induk bagi seluruh negara, pelan induk persendirian bagi setiap warga dan mestilah tergolong dan dimiliki semua rakyat Malaysia," katanya.

Katanya Malaysia kini bersedia untuk langkah kedua ke era maklumat, "jika Wawasan 2020 adalah langkah strategik yang pertama".

Dr Mahathir berkata negara kini bersedia untuk lonjakan hebat yang sederhana, lengkap dan komited yang akan membuat semula syarikat-syarikat Malaysia dan merekacipta semula masyarakat Malaysia.

"Langkah kedua ini akan digelar "inisiatif strategik satu" abad ke-21," katanya.

Beliau juga berkata "ekonomi baru" dan K-ekonomi" adalah perlu kerana lebih kata-kata kabur, jargon ajaib, konsep berjiwa mulia dan kalimah-kalimah besar yang hanya membingungkan bukan sebaliknya menjelaskan.

"Inisiatif strategik satu+ Malaysia, langkah kedua yang mana kita bertolak tidak bermakna peninggalan tulang belakang perindustrian yang hari ini menyumbang lebih daripada 37 peratus daripada keluaran dalam negara kasar kita membekalkan 30 peratus daripada semua pekerjaan," katanya.

Beliau berkata bahawa "Malaysia adalah di kalangan ekonomi-ekonomi paling berindustri dan tidak akan jatuh daripada tangga perindustrian, tidak kira banyak mana akan cuba menolak atau menjatuhkannya."

"Negara ini juga adalah salah sebuah ekonomi yang paling terbuka di dunia, hidup dan mati di atas perdagangan," katanya, sambil menambah bahawa tahun lalu, lebih dari 85 peratus daripada eksportnya adalah barangan perkilangan.

Antara lain, katanya Malaysia patut -

\*secara dramatik mempertingkatkan mutu pengindustriannya dan memastikan nilai ditambah tempatan yang lebih tinggi;

\*memastikan bahawa setiap sektor ekonominya dijadikan berkelas dunia dan kompetitif secara global;

\*dan memastikan kejayaan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Walaupun semua itu, struktur asas ekonomi Malaysia tidak akan diubah

secara asas dalam jangka pendek dan sederhana, katanya.

Bagi era maklumat dan k-ekonomi, Malaysia mestilah mempunyai sistem media kebangsaan bertaraf pertama.

Internet dan inovasi-inovasi teknologi maklumat lain mestilah merupakan sebahagian daripada sistem media kebangsaan yang besar dan penting itu, katanya.

"Tetapi biar saya tekankan bahawa akhbar dan majalah dan buku terus penting. Penyiaran dan televisyen dan radio siaran kecil terus amat penting sekali," katanya.

"Sememangnya, alat ini akan lebih penting lagi di dalam era maklumat dan K-ekonomi masa depan, walaupun ia akan semakin dicapai melalui Internet," kata beliau.

-- BERNAMA

AD MR OS